



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

**TEKS UCAPAN
YB TIMBALAN MENTERI PENGANGKUTAN
MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN, KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
BULAN MAC 2011
DI DEWAN B2 KOMPLEKS D,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
PUTRAJAYA**

**8 MAC 2010 (SELASA)
JAM 8.30 PAGI**

Assalamualaikum...

Selamat Sejahtera dan salam 1Malaysia

Y.Bhg. Dato' Long See Wool
Ketua Setiausaha
Ketua Setiausaha, Kementerian Pengangkutan

Y.Bhg. Dato' Haji Kamaruzaman Haji Mohd Nor
Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan)

Y.Bhg. Dato' Yap Kin Sian
Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi)

Y.Bhg. Dato'-Dato',
Ketua-ketua Jabatan

Tuan-tuan dan puan-puan warga kementerian yang dikasihi sekalian.

Pada pagi yang indah dan ceria ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua warga Kementerian dan juga wakil-wakil Jabatan dan Agensi kerana dapat meluangkan masa untuk hadir pada perhimpunan bulanan pada kali ini yang dihoskan oleh Bahagian Maritim.

Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan pada pagi ini sesungguhnya besar ertinya kerana tanpa kehadiran dan sokongan serta kerjasama yang padu sudah pasti majlis yang kita adakan ini mungkin tidak berjaya dan mencapai matlamatnya. Justeru perhimpunan bulanan yang kita anjurkan ini merupakan usaha murni yang dapat mewujudkan ikatan perpaduan, silaturahim dan semangat 1Malaysia di kalangan kita semua.

Tuan-tuan dan Puan-Puan

Kerajaan amat prihartin dan sentiasa berusaha bagi meningkatkan mutu perkhidmatan dan penyampaian kepada rakyat melalui program-program yang dilaksanakan oleh Kementerian, Jabatan serta agensi kerajaan. Usaha ini bukan saja terletak di bahu para pemimpin politik dan kerajaan semata-mata, sebaliknya ia juga terletak di bahu saudara dan saudari selaku penjawat awam bagi melaksanakan tanggung jawab yang diamanahkan serta memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat, sejajar dengan hasrat YAB Perdana Menteri “ **Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan**”.

Salah satu elemen yang penting dalam sistem penyampaian kerajaan adalah “amalan senyum”. Mungkin bagi sesetengah orang amalan senyum ini merupakan perkara kecil yang tidak perlu diberi perhatian dalam sistem penyampaian kerajaan kerana kebanyakan urusan dengan pelanggan dilakukan menggunakan kemudahan teknologi canggih dan moden.

Saya ingin berpesan kepada diri saya dan juga tuan-tuan dan puan-puan sekalian, sebenarnya amalan senyum ini perlu kita terapkan dalam diri kita dalam apa jua situasi terutama sekali semasa kita berurusan dengan orang ramai. Amalan ini perlu kita budayakan dalam kehidupan dan kerja harian kita. Selaras dengan arahan daripada pucuk pimpinan kita, agar amalan senyum ini dipraktikkan dalam segala urusan sama ada rasmi atau tidak, maka saya yakin dan percaya tuan-tuan dan puan-puan semua boleh mengubahnya, Insya Allah.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Selain daripada itu, negara kita telah berjaya menjadi Ahli Majlis ICAO (International Civil Aviation Organization) bagi penggal 2010-2013 dalam Kategori Ketiga yang diadakan di Montreal, Kanada pada tahun lepas. Untuk makluman negara kita bukan sahaja berjaya mengekalkan kerusi sebagai Ahli Majlis ICAO bagi penggal 2010-2013, malah telah memperbaiki kedudukannya kepada tempat ke-6 daripada 15 buah negara yang bertanding. Kejayaan ini menunjukkan peningkatan keyakinan negara-negara ahli terhadap sumbangan Malaysia kepada ICAO dalam bidang penerbangan awam antarabangsa. Usaha-usaha melobi serta kempen di negara-negara ahli oleh Kementerian telah membuahkan hasil positif kepada pencalonan Malaysia.

Sebagaimana kita semua ketahui, Program Transformasi Kerajaan (GTP) telah diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri dan kita berbangga kerana Kementerian dan setiap Warga Kementerian ini juga dapat turut menyumbang ke arah mencapai matlamat GTP ini. Ini kerana Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) iaitu Pengangkutan Awam Bandar yang merupakan sebahagian daripada tonggak GTP yang diterajui oleh Menteri Pengangkutan dan Kementerian Pengangkutan.

Inisiatif-inisiatif di bawah Pengangkutan Awam Bandar (NKRA UPT) telah mula menunjukkan hasil dan pencapaian yang memberangsangkan sejak tahun lepas. Antaranya pertukaran pengguna kenderaan persendirian kepada penggunaan pengangkutan awam 'Public Transport Modal Share' di Lembah Klang yang mana telah berjaya melangkaui sasaran tahun ini, meningkat kepada 17% dan jumlah 'ridership' pengguna di waktu puncak sebelah pagi pula, telah meningkat sehingga 368,000 pengguna.

Kajian terhadap penggunaan pengangkutan awam sepanjang 9 bulan tahun ini, telah menunjukkan peningkatan mendadak penggunaan perkhidmatan LRT dengan pertambahan sebanyak 2.6 juta pengguna. Ini menunjukkan bahawa mutu perkhidmatan pengangkutan awam, telah berjaya dipertingkatkan dan mendapat sambutan kerana ianya lebih efisien dan selesa berbanding sebelum ini.

Penubuhan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) yang dikuatkuasakan mulai 31 Januari 2011 yang lalu, adalah antara usaha kerajaan meningkatkan aspek keselamatan pengguna jalanraya melalui penguatkuasaan Akta Pengangkutan Jalan 1987. Selaras dengan itu juga mulai 1 Januari 2011 yang lalu Automatic Enforcement System (AES) telah kuatkuasakan. Ini bertujuan supaya pengguna jalanraya lebih berhemah dan mematuhi peraturan jalanraya.

Saya ingin menyentuh sedikit tentang sikap masyarakat kita yang suka melengah-lengahkan pembayaran saman hingga ke saat-saat akhir. Baru-baru ini kerajaan telah memutuskan 28 Februari 2011 merupakan tarikh akhir pembayaran saman. Apa yang saya ingin kongsi bersama ialah bagaimana sikap dan gelagat masyarakat kita yang terpaksa berpusu-pusu dan bersesak-sesak ke kaunter pembayaran saman di saat-saat akhir untuk menyelesaikan saman mereka.

Pada hal mereka yang terlibat sudah mengetahui saman trafik dikenakan ke atasnya. Sikap acuh tak acuh dan tidak mengambil berat terhadap perkara ini akhirnya telah menyusahkan diri sehinggakan Kabinet baru-baru ini telah melanjutkan tarikh akhir pembayaran saman tertunggak pada 10 Mac depan.

Dengan keputusan baru ini, adalah diharapkan pesalah-pesalah trafik segera bertindak dan menyelesaikan saman-saman mereka sebelum tarikh yang ditetapkan ini, kerana sesungguhnya kerajaan tidak berniat untuk menyusahkan sesiapa khususnya rakyat tetapi sebaliknya kita semua perlu menjadi warganegara yang bertanggungjawab dan sentiasa mematuhi undang-undang negara pada setiap masa. Dengan ini barulah sikap **“menunggu saat akhir”** ini dapat kita hindarkan dalam amalan hidup kita.

Warga MOT yang dikasihi,

Dalam usaha Negara kita membuat persediaan awal untuk mengekalkan keanggotaan Malaysia sebagai Ahli IMO (International Maritime Organisation) Council bagi penggal 2012 – 2013, maka saya saya menyeru agar semua warga Kementerian, Jabatan serta agensi, supaya dapat bersama-sama kita tingkatkan usaha, serta menggembeling tenaga sepenuhnya agar matlamat kita dalam IMO ini dapat dikekalkan serta menjadi contoh terbaik dalam keanggotaan tersebut pada masa-masa akan datang.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin menyeru sekali lagi kepada diri saya dan semua warga Kementerian , Jabatan dan agensi supaya sentiasa meningkatkan kecekapan dan integriti dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan. Rakyat sentiasa berkehendakkan mutu perkhidmatan awam yang telus dan berkualiti, justeru bagi merealisasikan hasrat tersebut kita semua perlu memberi perkhidmatan yang memuaskan kepada ‘stakeholder’ dan pelanggan kita. Sekian, terima kasih.